



# Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



Bil. 2/2006

April - Jun. 2006/Rabiul Awal - Jamadil Akhir 1427

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

Edaran Percuma

## Menarik di dalam



m. surat 2  
Tazkirah oleh YAB  
Tuan Guru Dato'  
MB



m. surat 3  
Tazkirah bulanan



m. surat 4  
Program  
usahawan



m. surat 5  
Bersama Dato' Hj.  
Hassan Mohd Ali



m. surat 6  
Karnival Jualan di  
KB Bazaar



m. surat 7  
Majlis sekalung  
budi Tuan Hj.  
Mohd Suhaimi



m. surat 8  
Majlis kesyukuran  
IQSB dan Telco



m. surat 9  
Khidmat sosial  
untuk rakyat  
miskin



m. surat 10  
Pelancaran  
kempen sihat  
cerdas



m. surat 11  
Roselle minuman  
terbaik



m. surat 12  
Lawatan ke China

## MB RASMI SUNGAI TERAH PALM OIL MILL DAN LANCAR MODIPALM ENGINEERING SDN.BHD

**KILANG INI MAMPU MEMPROSES 20 TONE METRIK BTS SEJAM MENGGUNAKAN  
TEKNOLOGI TERKINI INDUSTRI SAWIT NEGARA**

Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz B. Nik Mat telah merasmikan Sungai Terah Palm Oil Mill dan melancarkan Modipalm Engineering Sdn Bhd di Perkarangan Ibu Pejabat Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd, Gua Musang pada 4 Rabiulawal 1427/ 3 April 2006 lalu.

Kilang kelapa sawit STPOM itu dibangunkan di atas tapak seluas 8.498 hektar dengan

kos sebanyak RM19 juta pada bulan November 2004 setelah mendapat kelulusan rasmi dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada 5 Oktober 2004.

Perjanjian usahasama bagi pembinaan dan operasi kilang sawit ini di adakan pada 16 Oktober 2003 di antara Syarikat Ladang Sungai Terah (SLST) dan Agropalm Sdn. Bhd.



YAB Tuan Guru menekan butang menandakan rasminya operasi kilang sawit Sg Terah dan pelancaran ModiPalm Engineering Sdn Bhd

Kilang ini mempunyai kapasiti memproses 20 metrik ton Buah Tandan Segar (BTS) sejam menggunakan teknologi terkini industri sawit negara dikenali sebagai "Continuous Sterilization and Automated Palm Oil Mill" yang merupakan "THIRD GENERATION MODIPALM MILL". Kerja-kerja pembinaan telah mengambil masa selama 12 bulan dan kilang telah memulakan operasi memproses BTS pada bulan Oktober 2005.

bersambung m.surat 12

## Kumpulan PKINK Sumbang RM750,000.00 Kepada Palestin

Nasib yang dialami oleh Kerajaan Palestin dan rakyatnya mendapat simpati pihak Kerajaan Negeri Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan rakyat Kelantan apabila turut sama menderma untuk membantu mereka.

Kumpulan PKINK menyumbangkan sebanyak RM750,000.00 bagi meringankan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Palestin akibat dari kekangan dan tekanan antarabangsa.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Wan Yahya b. Wan Salleh kepada Ketua Whip Parlimen Palestin, Dr Khalil Ismael al-Hayyah di Majlis Pelancaran Tabung dan Ceramah Selamatkan Kerajaan Palestin di Padang Perdana Kota Bharu pada 14 Mei yang lalu anjuran Kerajaan Negeri Kelantan.



Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK menyampaikan sumbangan derma

bersambung m.surat 5





## SOLAT DHUHA CUKAI BAGI SENDI MANUSIA YANG PERLU DIBAYAR SETIAP PAGI

YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan bersyukur kerana dapat bersama-sama dengan pegawai-pegawai dan anak buah PKINK untuk menunaikan solat dhuha buat pertama kalinya di Surau PKINK pada 19 Rabiul Awal 1427/18 April yang lalu.

Solat Dhuha berjemaah bersama Menteri Besar yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia PKINK dengan kerjasama Biro Kebajikan dan Dakwah, Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK adalah yang julung kali diadakan di Surau PKINK dengan penglibatan semua anggota pengurusan dan kakitangan bawahan PKINK.

Tuan Guru Menteri Besar dalam tazkirah ringkas yang disampaikan sebaik sahaja selesai solat dhuha menjelaskan bahawa solat sunat yang didirikan boleh diumpamakan sebagai bayaran cukai yang perlu dibayar setiap pagi oleh setiap insan bagi sendi-sendi tulang manusia yang dikurniakan oleh Allah kepada kita. Sebagai contohnya, 1 dinar atau 1 dirham bagi satu sendi dengan solat Dhuha.

Di samping itu, tambah Menteri Besar lagi, doa perlu dibaca selepas solat atau ketika kita berada di pejabat, di kerusi, atau dibilik masing-masing sambil memegang pen atau fail dan sebagainya agar wujud keberkatan dalam semua urusan kita di tempat kerja.

Antara petikan tazkirah Tuan Guru ialah:

"Makna doa atau dhuha, dhuha ini hak kamu, alam, kecantikan alam, pejabat, cergas, semua sekali, kita minta doa pada Allah agar diberi berkat. Sebanyak mana keindahan, tenaga daripada kami, tolong tambah nilai, bagi keberkatan, supaya semuanya boleh bawa ke akhirat"

"Untuk dapat berkat, rezeki mesti halal, kepandaian diperolehi dari ilmu yang halal, rezeki dari sumber yang halal". Tambah Tuan Guru lagi, semua ini tiada dalam ajaran sekular dan demokrasi.

"Telefon pejabat, kertas pejabat, kalau guna untuk kepentingan diri adalah haram, bila guna tiada berkat. Pentingnya menghindari salah guna



YAB Tuan Guru menyampaikan tazkirah selepas Solat Dhuha kepada anggota Kumpulan PKINK

kuasa, rasuah dan perkara-perkara buruk lain yang ditegah oleh Islam. Kerja yang dilakukan mestilah kerana Allah. Perkara pertama kita kena lawan ialah nafsu lebih, mileage lebih." Semua usaha mendidik ini telah dilakukan di Kelantan sejak 15 tahun yang lalu.

"Nak dapat pahala, kena buang perkara mungkar, buang riba". Sistem Islam seperti Ar-Rahn telah berkembang pesat di Kelantan. Desakan ke arah penghayatan dan pengamalan Islam dalam semua aspek kehidupan dan urusan yang mahukan Kerajaan Negeri, PKINK laksanakan sistem Islam."

"PKINK mestilah bergerak dalam sistem Islam. Kerja, kewangan, gaji, ketuanya, anggotanya, pelanggannya dan semuanya mestilah bergerak berlandaskan ajaran Islam."

Tuan Guru juga berharap agar semua anggota PKINK benar-benar melaksanakan kerja dan tanggungjawab sebagaimana mesej dan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.

Menyentuh mengenai solat dhuha yang dilakukan, Tuan Guru menegaskan supaya seboleh-bolehnya ia dibuat secara individu di bilik atau di pejabat masing-masing kerana ia lebih mendapat keberkatan dan meja, kerusi serta karpas akan menjadi saksi kepada solat yang kita tunaikan.

Tuan Guru mengucapkan terima kasih kepada pihak PKINK kerana dapat meluangkan masa bersama menunaikan solat dhuha berjemaah dan menyampaikan tazkirah kepada semua anggota PKINK.

### SIDANG EDITOR

#### PENAUNG

YABrs. Haji Wan Yahya bin Wan Salleh

#### PENASIHAT

YBrs. Hj. Wan Adnan bin Wan Ab. Kadir

#### KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

#### EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

#### PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan Che Soh  
Pn. Zakiah Mohamed

#### PENGARANG

En. Ahmad Nazri Ismail  
Pn. Nik Farzimar Nik Omar  
Pn. Ahlaami Ab. Halim  
Pn. Teh Mariam Mohamed  
Pn. Hawa M. Salleh  
En. Rosdi Said  
En. Mohd Ramli Hamzah  
En. Zainul Amin Mat Zin

#### JURUFOTO

YM. Tengku Petra Tengku Wook



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER  
MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,  
Jalan Tengku Maharani,  
Peti Surat 142,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

tel: 09-7414141

fax: 09-7414140

Dicetak oleh:

MURSHID ENTERPRISE

Lot 63, Hadapan Wisma Persekutuan

Jalan Bayam

15200 Kota Bharu

Tel: 09-7472313



**PROGRAM PERJUMPAAN ANGGOTA DAN TAZKIRAH BULANAN**

**KITA UMMAT YANG TERBAIK**

**TAZKIRAH BULAN JUN DISAMPAIKAN OLEH  
HAJI MOHD SUHANE IBRAHIM ARAUI  
PENGURUS PERANCANGAN KORPORAT**



*Haji Mohd Suhane Ibrahim Araui*

Sabda Nabi Muhammad S.A.W "Kamu mengenakan 70 umat yang diutuskan dan kamu adalah yang terbaik dan termulia dari kalangan mereka" hadis diriwayatkan oleh Imam Tirmizi. Tazkirah bulan Jun oleh Tuan Haji Mohd Suhane Ibrahim Araui Pengurus Bahagian Perancangan Korporat memfokuskan kepada kriteria menjadi umat terbaik.

Sebagai umat yang terbaik kita mestilah memberi penekanan kepada dua aspek utama, dimana menjadi amalan para sahabat sehingga mereka berjaya mencipta sejarah Islam yang gemilang di awal kebangkitan Islam sehingga Allah menggelarkan umat ini sebagai umat yang terbaik lagi adil sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Bakharah ayat 143.

**Kriteria pertama** ialah amar makruf nahi mungkar, iaitu tugas utama setiap muslim, dimana seseorang muslim tidak akan menjadi seorang muslim yang sebenar selama mana ia tidak melaksanakan tugas dakwah ini terhadap dirinya, keluarganya dan masyarakatnya. Sebab itulah ulamak menyifatkan amar makruf nahi mungkar ini sebagai **Taklif Rabbani** (Tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah) sebagaimana firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 104 maksudnya;

*Dan hendaklah ada dikalangan kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung.*

Bahkan Rasulullah S.A.W. menyebut dalam satu hadis bahawa diantara satu sebab binasa dan runtuhnya sesuatu umat ialah apabila tanggungjawab amar makruf nahi mungkar tidak dilaksanakan.

**Kriteria Kedua** ialah beriman kepada Allah, walaupun ia merupakan lebih utama, tetapi Allah sebutkan perkara ini selepas amar makruf nahi mungkar kerana umat sebelum Nabi Muhammad S.A.W. sudahpun beriman, cuma perintah berdakwah dan menyampaikan syiar Islam ini dituju khusus untuk umat Nabi Muhammad S.A.W.

Telah dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam surah Al-Taubah ayat 112, ciri-ciri orang yang beriman;

1. AL-TA'BUN - orang-orang yang sentiasa bertaubat
2. AL-ABIDUN - orang-orang yang beribadat
3. AL-HAMIDUN - Orang yang bertahmid memuji kebesaran Allah
4. AL-SA'IHUN - Orang yang mengembara ke jalan Allah
5. AL-RA'KIUN - Orang yang ruku'
6. AL-SAJIDUN - Orang yang sujud kepada Allah
7. AL-AMIRUNA-BIL-MAKRUF -Orang yang menyuruh kepada makruf
8. WA-YANHAUNA-ANIL MUNGKAR - Orang yang mencegah kemungkaran
9. WAL-HAFIZUNA LI-HUDUDILLAH - Orang memelihara batas-batas hukum Allah.

**MUHASABAH DIRI**

**TAZKIRAH BULAN MEI DISAMPAIKAN OLEH  
HAJI MOHAMAD ALWI YA  
PENGURUS PEMBANGUNAN USAHAWAN**



*Haji Mohamad Alwi Ya*

"Sebagai manusia yang tidak sunyi dari melakukan kesilapan, adalah wajar untuk kita berfikir sejenak, merenung kembali kehidupan yang telah kita lalui, dan berfikir bagaimana untuk kita menghadapi sisa-sisa kehidupan yang masih ada" - Haji Mohamad Alwi Ya Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan.

Untuk tujuan tersebut, tidak terlambat untuk kita membina semula diri kita dengan mempersoalkan beberapa persoalan untuk menilai siapa kita;

**Di manakah kita sekarang;**

- ◆ Menilai diri sendiri, di mana kelebihan dan kelemahan kita yang sering terjebak dengan:
  - Kesibukan tugas dan harta dunia
  - Kesibukan dan tuntutan kehidupan menyebabkan sering hilang fokus
  - Keputusan yang dibuat sering dipengaruhi orang lain
  - Kekadang keputusan yang dibuat tidak mencerminkan kehendak sendiri.
- ◆ Semasa di persimpangan jalan, kita hanya ada 3 pilihan samada tidak bergerak, bergerak tanpa tujuan atau bergerak dengan tujuan. Pilihan kita mestilah pilihan ketiga.
- ◆ Kejadian manusia adalah sama, yang membezakan hina dan mulia seseorang itu ialah amal dan ketaqwaan kepada Allah.

**Kemana dan apakah cita-cita kita;**

- ◆ Bermula dengan fokus yang jelas tentang hala tuju;
  - Melihat masa depan
  - Menentu apa yang diinginkan
  - Membuat pilihan yang betul
  - Cara menghadapi nilai negatif
- ◆ Kekuatan diri adalah menjadi asas di dalam menentukan keputusan yang tepat. Kekuatan dalaman yang dimaksudkan ialah ketaqwaan. Setiap keputusan yang kita lakukan tidak mendatangkan kesan kepada Allah. Semua kebaikan dan keburukan akan dikembalikan kepada manusia.

**Apakah matlamat akhir dan bagaimana mencapainya;**

- ◆ Setelah diketahui kekuatan dan kelemahan, bolehlah kita menetapkan matlamat.
- ◆ Biasanya matlamat bermula daripada dialog dalaman atau angan-angan, barulah disusuli dengan tindakan mengikut berbagai kaedah atau pendekatan. Di sinilah perlunya sikap keterbukaan kita menerima pembaharuan, atau kesanggupan untuk kita menerima perubahan dalam sikap dan kelakuan kita.



## KURSUS USAHAWAN BELIA BERDIKARI

Bidang keusahawanan bukanlah satu bidang baru dalam konteks untuk memperkembangkan aktiviti ekonomi secara lebih giat. Apa yang ketara ialah kefahaman dan kesediaan masyarakat untuk menyahut cabaran dan melibatkan diri secara aktif. Menyedari keadaan ini, sebagai usaha untuk mengubah senario ekonomi agar lebih ramai Bumiputera melibatkan diri dalam bidang tersebut, Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK (BPU) telah menganjurkan Kursus Usahawan Belia Berdikari secara bergerak keseluruh jajahan. Secara khusus, kursus ini mensasarkan golongan belia yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Namun yang menjadi masalahnya mereka ini tidak mempunyai pengalaman dan maklumat yang sepatutnya.



En. Rusli Ismail, Pen. Pengurus Pembangunan Usahawan sedang menyampaikan ceramah di kursus keusahawanan berdikari

Setakat ini kursus tersebut telah pun diadakan di Majlis Daerah Kuala Krai Utara pada 9 hingga 11 Mei 2006 dan di Majlis Daerah Pasir Puteh pada 23 hingga 25 Mei 2006. Penyertaan peserta bagi kedua-dua kursus yang telah dianjurkan tersebut tidaklah begitu ramai. Namun dari kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh kesemua peserta ianya amat positif dan berkesan atau dengan lain perkataan peserta-peserta yang hadir terdiri dari kalangan mereka yang bersemangat, dan berkualiti. Walaubagaimanapun beberapa siri kursus tersebut terpaksa dibatalkan kerana pihak urusetia mempunyai tenaga kerja yang amat terhad sedangkan beberapa kursus dan program lain yang dirancang lebih awal perlu diteruskan yang sebagaimana jadual. Namun begitu kursus tersebut akan diteruskan kembali dalam bulan Ogos nanti dan sekiranya diizinkan Allah ianya akan berterusan hinggalah kepada tempoh kemuncak iaitu perayaan hari kemerdekaan nanti. Insya Allah.

## CERAMAH OLEH BADAN PENCEGAH RASUAH (BPR)

Akta Pencegahan Rasuah (APR) 1997 dan Anti Money Laundering Act (AMLA) 2001 adalah dua perkara pokok yang disentuh oleh penceramah dari BPR, Encik Ismail Bin Abd.Manaf semasa beliau menyampaikan ceramah beliau di Bilik Operasi, Tingkat 10 pada 22 Mei 2006 lalu. Beliau telah menghurai dengan panjang lebar seksyen-seksyen dalam akta-akta tersebut.

Ceramah selama 2 jam tersebut adalah bertujuan memberi pendedahan kepada semua anggota PKINK mengenai Akta Pencegahan Rasuah dan AMLA.

Sesungguhnya adalah menjadi tanggung jawab kita bersama untuk mencegah rasuah (dengan tidak memberi atau menerimanya.)



En. Ismail Abd. Manaf

## LATIHAN PEMBIMBING BERWIBAWA PROGRAM USAHAWAN MUDA 2006

Pembimbing yang berwibawa, berketerampilan dan berkebolehan merupakan tunggak dan tenaga penggerak yang paling utama untuk membimbing dan melatih para peserta yang terlibat dengan mana-mana program. Dalam konteks Program Usahawan Muda yang matlamat utama pengendalian dan penganjurannya ialah untuk menyemai dan melatih para pelajar sekolah tentang aspek-aspek keusahawanan, penglibatan dan peranan pembimbing sebagaimana yang disebutkan di atas tidak terkecuali. Sebagai persediaan dan memberi pendedahan serta maklumat selengkap yang mungkin kepada guru-guru pengelola yang terbabit secara langsung dalam melatih, membimbing dan memantau aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dijalankan di sekolah masing-masing samada sekolah yang dikelolakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan atau Yayasan Islam

Kelantan, satu program latihan khusus untuk mereka telah diadakan.

Latihan Pembimbing Berwibawa Program Usahawan Muda 2006 telah diadakan pada 13 hingga 15 Jun 2006 bertempat di Bukit Keluang Beach Resort, Besut, Terengganu. Seramai 45 orang guru pengelola dari 22 buah sekolah yang terpilih untuk mengikuti Program Usahawan Muda telah hadir. Latihan intensif selama tiga hari ini telah dibimbing oleh pensyarah berpengalaman dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.

Bermula dengan peranan untuk memahami tabiat atau habit, peranan psikologi sehinggalah kepada usaha-usaha pengeluaran, pemasaran dan penciptaan produk telah dikupas dan diolah secara berkesan. Apa yang dapat kami harapkan ialah guru-guru pembimbing program akan memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dengan menerapkannya secara lebih berkesan dan efektif kepada ahli-ahli Syarikat Usahawan Muda di sekolah masing-masing.



Para peserta bergambar kenangan



## RUANGAN BERITA

sambungan dari m. surat 3

### Kita ummat yang terbaik

Marilah sama-sama kita tingkatkan keimanan kita, sebagaimana sebuah hadith yang diriwayatkan Imam Tabrani, nabi Muhammad S.A.W. bersabda;

*"Mahukah aku tunjukkan sesuatu yang akan menaikkan darjatmu?".* Rasulullah memberi empat resipi yang utama iaitu:

1. Bersopan santunlah dengan orang yang tidak mempedulikanmu
2. Maafkanlah mereka yang menzalimimu
3. Berikanlah kepada mereka yang bakhil terhadapmu
4. Hubungi mereka yang memutuskan silaturahim denganmu

Dalam menuju keunggulan diri, banyak cabaran dan halangan yang terpaksa dihadapi. Penyakit dalaman dan tabiat diri sendiri sering menjadi penghalang, misalnya;

- Perasaan keluh kesah dan dukacita
- Malas dan lemah semangat
- Tidak yakin pada diri sendiri
- Tidak bersyukur atas nikmat dan kedekut
- Suka berhutang dan sukar menjelaskannya

sambungan dari m. surat 3

### Musahasabah Diri

- ◆ Di dalam keghairahan mencapai matlamat, jangan lupa tanggungjawab kita sebagai khalifah di muka bumi. Ingatlah setiap kerja kita samada dari segi rohani, jasmani, dunia dan akhirat termasuk di dalam ibadat.

#### Adakah kita bersedia untuk berjaya;

Selain dunia, kita perlu membuat perancangan terhadap masa depan yang kekal abadi, iaitu akhirat, sebagaimana hadith Nabi Muhammad S.A.W yang diriwayatkan oleh Al-Bhukari dari Umar Al-Tarmizi, bahawa Rasulullah memegang bahunya lalu bersabda;

*"Hendaklah kamu berada di dalam dunia seolah-olahnya engkau seorang yang berdagang atau pengembara yang sedang dalam perjalanan"*

Kejayaan tidak terletak kepada harta yang bertimbun, tetapi perlu dilihat kepada kejayaan akhirat.

Kesimpulannya, setiap individu ataupun PKINK sendiri perlulah merancang, kerana bagi yang tidak merancang, sebenarnya sedang merancang untuk gagal.

## BUDAYA KERJA BERITQAN TERAS KECEMERLANGAN



Dato' Dr. Hj. Hassan Mohd Ali

Semua anggota PKINK hendaklah mempunyai "clear vision" terhadap halatuju organisasi. Dengan itu mereka akan berusaha untuk mencapai matlamat organisasi. Demikian jelas Dato' Dr Hj Hassan Mohd Ali, pakar motivasi, dalam ceramah beliau bertajuk "BUDAYA KERJA BERITQAN TERAS KECEMERLANGAN" yang telah diadakan pada hari Ahad, 24 Rabiul Awal 1427 (23 April 2006) di Bilik Operasi, Bangunan PKINK.

Selain itu, mereka hendaklah berfikir "beyond tomorrow" iaitu berfikir jauh ke hadapan dalam mencapai cita-cita organisasi. Banyak lagi ciri-ciri sikap positif dalam kerja telah diuraikan oleh Dr Hassan dalam ceramahnya.

Namun, banyak mana sekalipun kita belajar tentang itaqn (productivity and quality) kita tidak mungkin meraih kejayaan sekiranya kita tidak membudayakan apa yang kita pelajari.

sambungan dari m. surat 1

### Kumpulan PKINK Sumbang RM750,000.00

PKINK dan Kumpulannya merupakan penyumbang terbesar kepada Tabung Selamatkan Palestin dengan PKINK (Ibu Pejabat) menyumbang sebanyak RM300,000.00, Kompleks Perakayuan Kelantan (KPK) sebanyak RM200,000.00, Syarikat Ladang Sungai Terah sebanyak RM150,000.00 dan Binaraya PKINK sebanyak RM100,000.00.

Sebanyak RM1.5 juta telah berjaya dikutip daripada pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan rakyat Kelantan dalam majlis tersebut dan kemudiannya diserahkan kepada Dr Khalil yang turut menyampaikan ceramah pada malam tersebut. Kerajaan Negeri Kelantan juga melancarkan kempen derma sekurang-kurangnya RM1 seorang daripada rakyat Kelantan untuk rakyat Palestin.

Dr Khalil semasa berucap di majlis ceramah tersebut berkata, Kelantan adalah negeri pertama di Malaysia yang sama-sama merasai penderitaan rakyat Palestin dengan memberikan komitmen untuk membantu Kerajaan Palestin pimpinan Hamas. Beliau yang berucap dengan penuh semangat dalam Bahasa Arab mengucapkan terima kasih kepada pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan diatas daya usaha yang diambil bagi membantu dan menyokong perjuangan rakyat Palestin. Ucapan beliau telah diterjemah oleh Ketua Pengelola Dakwah Halaqat Jaheaik, Ustaz Mohamad Mustafa. Turut berucap pada malam tersebut ialah Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.

sambungan dari m. surat 12

### Lawatan Usahawan Kelantan Ke Canton Fair, China

Kompleks Liu Hua yang menjadi pusat pameran merupakan sebuah kompleks yang begitu besar dan mengandungi 14 blok pameran terdiri dari blok 3, 4, 5 dan 6 tingkat. Canton Fair hanya pameran produk semata-mata dan bukan medan jualan. Di sini, ia menjadi platform di mana berlakunya transaksi dari segi tempahan barangan, rundingan bisnes, rakan bisnes dan bisnes meeting.

Kompleks Pazhou pula ialah sebuah kompleks moden dan canggih yang baru, terletak di Jalan Xingang Dong, Haizhu. Rekabentuknya unik dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk perkhidmatan bank, telekomunikasi, perkhidmatan kourier, pusat maklumat, pejabat pusat dagangan luar China, restoran makanan halal, surau dan pelbagai lagi. Terdapat sebanyak 13 dewan besar semuanya dan boleh menempatkan lebih daripada 5000 booth berukuran 3 x3 kaki.

Syarikat-syarikat perniagaan antarabangsa dan pengilang-pengilang China akan mempamerkan produk 'Made in China' di kedua-dua Kompleks Liu Hua dan Kompleks Pazhou tempat berlangsungnya Canton Fair. Kira-kira 100,000 jenis barangan dipamerkan di Canton Fair dan semua barangan yang dipamerkan adalah yang berkualiti tinggi, harga yang kompetitif dan dikeluarkan dari pelbagai wilayah di China.



# KARNIVAL JUALAN DI KB BAZAAR

TERLETAK BERSEBELAHAN KB MALL, DI JALAN HAMZAH KOTA BHARU DENGAN RUANG NIAGA SEBANYAK 212 LOT DAN 12 LOT GERAI MAKAN.

Dengan kedudukan yang strategik di persimpangan empat jalan utama iaitu Jalan Hamzah, Jalan Sultan Ibrahim, Jalan Sultan Yahya Petra dan Jalan Kuala Krai, KB Bazaar merupakan satu kawasan pusat membeli belah yang akan menjadi tumpuan pengunjung-pengunjung, baik dan dalam mahupun luar negeri. Di samping kedudukan yang strategik, ia juga menyediakan kemudahan-kemudahan yang selesa antaranya tempat letak kereta yang mencukupi, berhampiran terminal bas, surau yang luas, jejantas yang menghubungkan KB Bazaar dan KB Mall serta kemudahan lif.

KB Bazaar dibangunkan oleh PKINK dengan kos sebanyak RM17 juta mulai 19 Februari 2003 dengan menyediakan 212 lot ruang perniagaan dan 12 lot gerai makan di tingkat 3 dan ia dibuka untuk dijual kepada usahawan-usahawan bumiputera.

Pelancaran Karnival Jualan di KB Bazaar yang bermula 27 Mei hingga 31 Ogos 2006 merupakan satu usaha dan langkah efektif dalam mempromosi dan

memperkenalkan KB Bazaar sebagai pusat perniagaan baru yang bakal menjadi kompleks membeli belah yang termasyhur dan terkenal di Kelantan khususnya dan Malaysia umumnya. Ia juga merupakan satu sokongan yang berterusan pihak Kerajaan Negeri Kelantan bagi membantu usahawan-usahawan Kelantan mempamer, mempromosi dan menjual produk keluaran mereka di pasaran terbuka.

Majlis pelancaran karnival jualan tersebut telah diadakan pada 27 Mei 2006 bertempat di Aras Bawah, tempat letak kereta KB Bazaar yang mana perasmianya telah disempurnakan oleh YB Hj Zulkifli Bin Mamat, Exco Kerajaan Negeri. Dalam ucapannya YB Hj Zulkifli menyeru rakyat Kelantan supaya berdikari serta menjadi usahawan kerana 9 daripada 10 sumber rezeki adalah daripada perniagaan dan bagi mengatasi masalah pengangguran yang dianggar sekitar 4.6%. Ujarnya lagi, bangsa Malaysia sekarang lebih suka kepada hiburan, dan pelbagai program hiburan dihadirkan bermula dengan Jomheboh dan lain-lain program realiti



YB Hj. Zulkifli b. Mamat  
Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian  
dan Sumber Manusia Negeri Kelantan

TV disamping konsert yang bertaburan diadakan dari masa kesemasa. Kini kita perlu ubah bangsa kita supaya menjadi satu bangsa yang berganding bahu ke arah amal maaruf nahi mungkar. Menurut beliau lagi, Kerajaan Kelantan berhasrat untuk menubuhkan satu pusat teknologi yang akan dikenali sebagai Kelantan Biotechnology Park.

Majlis yang bermula pada pukul 11.00 pagi itu telah berakhir dengan lawatan ke lot-lot bazaar yang menjual pelbagai barangan.



YB Hj. Zulkifli b. Mamat sedang memotong riben bagi melancarkan Karnival Jualan di KB Bazaar



Demonstrasi sebatan oleh Jabatan Penjara



salah seorang peserta pertandingan Nescafe Tarik Terbuka Nestle Peringkat Negeri.



Pemenang-pemenang '3 minutes talk'



Persembahan nasyid oleh Kumpulan IN Team dan Far East



Dikir Kanak-Kanak





*sambungan dari muka surat 6*

Pihak penganjur PKINK bersama Prokel Management Sdn Bhd telah menetapkan sasaran pengunjung seramai 100 ribu orang dalam tempoh 3 bulan ianya diadakan. Bagi tujuan tersebut demi memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai, pihak penganjur telah menyusun dan merangka acara kursus bagi menarik orang ramai dari seluruh negara berkunjung ke Karnival tersebut. Antara acara yang menarik ialah:

- ◆ PC Fair dan Pameran ICT
- ◆ Pameran Telekomunikasi oleh Kumpulan TM, TM Net dan Celcom
- ◆ Konsert Nasyid oleh In Team dan Far East
- ◆ Persembahan Kebudayaan seperti Dikir Barat, Dikir Kanak-Kanak, Rebana, Seni Silat dan Kertok
- ◆ Pameran Rakan Cop PDRM
- ◆ Demonstrasi Flying Fox dan Kebakaran oleh BOMBA
- ◆ Pertandingan Nescafe Tarik Terbuka Nestle
- ◆ Akademi Al-Quran
- ◆ Pertandingan Karaoke Nasyid
- ◆ Pemeriksaan Kesihatan Percuma dan Derma Darah
- ◆ Kejohanan Kerom Tertutup Kelantan
- ◆ Cabutan Bertuah

## SOLAT HAJAT SEMPENA KARNIVAL JUALAN DI KB BAZAAR

Sempena dengan Karnival Jualan di KB Bazaar, pihak pengurusan PKINK telah mengadakan majlis solat hajat bertempat di Surau KB Bazaar pada 17 Mei 2006 yang lalu. Solat Hajat tersebut diimami oleh Ustaz Muhammad bin Mustapha, Ketua Pengelola Dakwah Halaqat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Dalam tazkirah ringkas yang disampaikan, beliau telah menyentuh beberapa perkara, antaranya ialah:

Empat amalan yang dianjurkan dalam Islam supaya umatnya lebih maju dan lebih produktif. Empat amalan tersebut adalah: -

1. Sebarkan salam
2. Beri makan kepada orang miskin
3. Sambung silaturrahim
4. Sembahyang di waktu malam

## MAJLIS SEKALUNG BUDI HAJI MOHD SUHAIMI HUSIN, TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF (PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN) PKINK

**GAJAH MATI MENINGGALKAN TULANG, HARIMAU MATI MENINGGALKAN BELANG, MANUSIA MATI MENINGGALKAN NAMA, ANGGOTA BERSARA MENINGGALKAN JASA.**

Haji Mohd Suhaimi Husin memulakan perkhidmatan dengan PKINK pada 14 Februari 1980 sebagai Pegawai Tadbir dan ditempatkan di Bahagian Binaan dan Perumahan. Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai guru dan Pegawai di Bank Bumiputera. Pengalamannya yang luas telah banyak membantu PKINK.

Sebagai seorang insan yang tak pernah berpuas hati dengan ilmu yang dimilikinya, beliau sentiasa mencari ruang untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan telah mengikuti kursus 'Training Course in Project Preparation' selama dua bulan mulai 18 Oktober hingga 15 Disember 1982 di bawah rancangan UNIDO di Poland. Beliau juga telah menyambung pelajaran selama dua tahun mulai 1 Jun 1983 hingga Mei 1985 bagi mengikuti kursus MBA di Morehead State University Kentucky Amerika Syarikat. Tidak hairanlah semasa persaraannya, beliau telah menyumbangkan dua kotak buku berbagai judul (Management) kepada Perpustakaan PKINK.

Sepanjang perkhidmatan beliau, Haji Mohd Suhaimi pernah dipinjamkan kepada Syarikat-Syarikat Anak Kumpulan PKINK berikut:

- ◆ Permodalan Kelantan Bhd. selama 2 tahun mulai 1 Januari 1986
- ◆ Kompleks Perakayuan Kelantan Bhd. selama 4 tahun bermula 15 Februari 1988 hingga 15 Februari 1992.
- ◆ Binaraya PKINK Sdn Bhd selama 2 tahun mulai 1 Jun 1992.

Beliau dianugerahkan bintang Seri Mahkota Kelantan (S.M.K.) di Hari Keputeraan Al-Sultan Kelantan yang ke 44 pada 30 Julai 1994.

Haji Mohd Suhaimi mula menjawat Jawatan Timbalan Ketua Eksekutif Perancangan dan Pembangunan Kumpulan PKINK mulai 16 Januari 2001 sehingga lah bersara wajib pada 24 April 2006 setelah berkhidmat selama 26 tahun 2 bulan 11 hari.

Seluruh warga Kumpulan PKINK mengucapkan selamat bersara.



*Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Haji Mohd Suhaimi Husin*



*Antara anggota yang hadir di Majlis Sekalung Budi Mohd Suhaimi Husin*



## MAJLIS KESYUKURAN DAN SILATURRAHIM ANTARA INFRA QUEST SDN BHD DAN TELCO

Infra Quest Sdn Bhd (IQSB) telah mengadakan satu majlis kesyukuran & silaturrahim dengan Operator-Operator Telekomunikasi (Telco) iaitu Celcom, Maxis, Digi, Telekom dan Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) pada 16 & 17 April 2006 bertempat di Taman Rehlah, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan.

Majlis ini diadakan bagi melahirkan rasa syukur di atas kejayaan IQSB dalam pembinaan menara telekomunikasi di bawah program 'Time 2A' di samping itu dapat mengeratkan silaturrahim antara IQSB dengan pengendali-pengendali Operator Telekomunikasi.

Tetamu jemputan yang hadir ialah YB Hj. Takiyuddin b. Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, Hj. Wan Yahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif PKINK merangkap Pengerusi IQSB, Hj. Wan Adnan Wan Abdul Kadir, Timbalan Ketua Eksekutif PKINK merangkap Pengarah IQSB, En. Shafie b. Harun, Ketua Pejabat Wilayah Timur SKMM, Hj. Ab. Rahman b. Othman, Pengurus Besar Celcom, Pengurus-pengurus serta Eksekutif Telekom, Maxis dan Digi Telecommunication Sdn Bhd dan Hj. Mohd Sabri b. Abdullah, Pengurus Besar Permodalan Kelantan Bhd merangkap Pengarah Eksekutif IQSB. Turut hadir En. Mohd Ezanee b. Mohd Adam, Pengurus Kanan Permodalan Kelantan Bhd merangkap Ketua Pegawai Operasi IQSB dan En. A'sri b. Ali, Pengurus Besar IQSB.

Semasa berucap merasmikan majlis tersebut, YB Hj. Takiyuddin b. Hassan berkata, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negeri akan menyokong sebarang langkah bagi memberi perkhidmatan kelas dunia kepada seluruh rakyat Kelantan. Kerajaan tidak akan memandang sambil lewa program ini bagi memastikan rakyat Kelantan tidak terpinggir dari perkembangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Kerajaan Kelantan telah bersetuju melantik IQSB sebagai pusat sehenti (One Stop Centre) dan Syarikat Sokongan Kerajaan Negeri (State Back Company) bagi kerja-kerja pembinaan menara telekomunikasi di Negeri Kelantan. Dengan pelantikan ini IQSB telah menunaikan tanggungjawab dengan cemerlang.

Peringkat awal pembinaan terdapat sedikit masalah, kerana pihak berkuasa tempatan berhadapan dengan pengalaman baru dalam perkara ini telah

mengenakan caj yang bertalian kepada syarikat penyedia perkhidmatan atau syarikat telekomunikasi. Bagi mengatasi perkara ini, YB. Hj. Takiyuddin berkata, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan khas antara Telcos dan PBT-PBT seluruh negeri.

"Saya sendiri selaku pengerusi kerajaan tempatan telah memanggil semua pihak terbabit sehingga satu kata sepakat diambil bagi menentukan segala kerja dapat berjalan lancar di samping semua pihak berpuas hati dan mendapat keuntungan", jelas beliau.

Ketua Pejabat Wilayah Timur SKMM, En. Shafie b. Harun pula berkata hanya Kelantan yang berjaya mematuhi jadual pembinaan menara tersebut apabila program fasa 1 akan siap Mei ini, manakala program pembinaan fasa 2 akan siap sepenuhnya sebelum hujung tahun ini.

"Tahniah Kelantan", beliau secara khusus memuji IQSB yang berjaya menjalankan tugas sebagai pihak yang dilesenkan oleh SKMM untuk mendirikan menara menyelenggara



Hj. Wan Yahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif PKINK menyampaikan cenderahati kepada YB. Hj. Takiyuddin Hassan

menara telekomunikasi seluruh Kelantan.

"Hubungan baik antara IQSB, Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat telekomunikasi telah menjadikan kerja-kerja berjalan begitu baik selaras dengan sasaran suruhanjaya untuk memastikan seluruh bumi Malaysia mendapat liputan telekomunikasi mudah alih menjelang 2007", katanya.

Sepanjang program berbagai acara menarik termasuk berkayak, menyusuri paya bakau dan Qiamullail diadakan.



Peserta program Majlis Kesyukuran & Silaturrahim antara IQSB dan Telco

## SIRI LAWATAN AHLI MAJLIS EKSEKUTIF KE KAWASAN PERINDUSTRIAN PENKALAN CHEPA

Pada 10 Rabiulawal 1427 bersamaan 9 April 2006, Ahli Majlis Eksekutif Perbadanan telah mengadakan siri lawatan lawatan pertama bagi tahun 2006 ke Syarikat Sri Rampaian Sdn Bhd yang telah menyewa 9 lot tapak kilang sediabina mili Perbadanan di kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II.

Satu sesi taklimat telah disampaikan oleh En. Saiful Bahri, Timbalan Pengurus Besar syarikat mengenai operasi yang dijalankan. Ahli Majlis Eksekutif juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak syarikat untuk mendapat maklumbalas mengenai perkembangan syarikat berkenaan yang nyata memerlukan kerjasama pihak kerajaan untuk terus bersaing maju dalam industri antarabangsa ini dan menjamin peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan.

Sesi ini diakhiri dengan lawatan ahli rombongan keseluruhan tapak kilang untuk meninjau proses pengeluaran pakaian panas untuk dieksport ke negara-negara seperti Kanada, Amerika Syarikat dan Eropah.







**Tips Penggunaan Komputer**

Kebanyakan laman web meletakkan fail kecil yang dinamakan cookies ke dalam PC anda. Ianya membantu laman web untuk mengingatkan anda dan sebarang spesifikasi peribadi anda semasa anda melayari laman web tertentu. Sesiapa sahaja boleh mencari sebarang maklumat atau sejarah pelayaran web anda jika mereka pergi ke C:\WINDOWS\COOKIES atau C:\WINDOWS\TEMPORARY INTERNET FILES.


Anda boleh membuang sebarang cookies daripada folder anda satu-persatu. Cara yang mudah adalah untuk menutup ruang untuk cookies semasa anda melayari web. Pada Internet Options, pilih Security dan Custom Level, pergi ke Cookies dan klik Disable pada semua yang berkaitan dengan cookies.

Petua-petua ini adalah untuk pengguna di rumah sahaja.

**KHIDMAT SOSIAL UNTUK MASYARAKAT MISKIN**

Sekali lagi Binaraya PKINK Sdn Bhd anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah memberi sumbangan ikhlas kepada golongan miskin di sekitar Kota Bharu. Sumbangan telah disampaikan kepada Puan Hasnah bt. Hassan dari Kampung Bechah Mulong, Peringat, Kota Bharu.

Sumbangan berbentuk kerja-kerja membaik pulih rumah yang telah usang itu menelan belanja RM8,000.00 bermula pada 19 Mac 2006 dan siap sepenuhnya pada 20 April 2006.



*Keadaan rumah Puan Hasnah sebelum dibaiki*



*Rumah Puan Hasnah yang telah di baik pulih*

**CERAMAH PERDANA MAULUD NABI S.A.W.**

Kita suami isteri hendaklah sentiasa “mesra dimesrai” dalam keluarga supaya keluarga jadi tenteram dan harmoni. Demikian ditegaskan oleh Ustazah Puan Shamsiah Hj Mohd Yusof dalam ceramah beliau di Bilik Operasi pada 6 Rabiulakhir 1427 (4 Mei 2006.)

Tambah beliau lagi, setiap perbuatan kita tidak boleh lari dari lima perkara iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Ceramah beliau banyak berkisar tentang keluarga dan cara betul berinteraksi dan komunikasi dalam keluarga. Kira-kira 100 orang anggota PKINK dan penghuni Bangunan PKINK telah hadir dalam majlis ini.

**KETUA EKSEKUTIF BERSAMA PELAJAR-PELAJAR PRAKTIKAL**

Satu perjumpaan di antara Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dengan pelajar praktikal telah diadakan pada 22 Jamadilawal 1427/ 19 Julai 2006 bertempat di Bilik Gerakan Tingkat 11. Majlis yang berlangsung pada pukul 8.45 pagi telah dihadiri oleh seramai 24 orang pelajar praktikal. Ia terdiri daripada 18 orang pelajar perempuan dan 6 orang pelajar lelaki dari pelbagai IPTA yang menjalani latihan praktikal di PKINK bagi tempoh antara 1 hingga 6 bulan.

Selain beramah mesra dengan pelajar-pelajar praktikal, beliau juga menerangkan serba sedikit tentang sejarah dan fungsi PKINK serta operasi Kumpulan PKINK keseluruhannya.

Di akhir perjumpaan, beliau menasihati pelajar-pelajar praktikal supaya membuat persediaan mental dan penampilan diri kerana tiada jalan singkat untuk mencapai kejayaan.

Pelajar-pelajar praktikal ini ditempatkan di beberapa bahagian di PKINK berdasarkan bidang pengajian masing-masing.



**TAHNIH ANAK-ANAK KOPERASI**

Sempena menyambut ulang tahun ke 25 Koperasi PKINK Berhad, satu majlis bagi meraikan kejayaan cemerlang anak-anak ahli Koperasi telah diadakan pada 17 Rabiulawal 1427 bersamaan 6 April 2006. Majlis Penyerahan Cek Dermasiswa Kepada Anak-anak Anggota Koperasi PKINK Bhd (Cemerlang 2005) telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK merangkap Penasihat Koperasi PKINK Bhd. Majlis telah diadakan di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bgn PKINK, Kota Bharu dengan dihadiri ahli serta anak-anak yang terlibat.

Melalui Tabung Dermasiswa, anak-anak ahli koperasi yang mendapat kejayaan cemerlang dalam UPSR, PMR, SPM mahupun STPM atau berjaya ke menara gading akan diraikan dengan hadiah cek mengikut nilai yang ditetapkan. Disamping menjadi kebanggaan ibubapa kejayaan anak-anak itu juga seolah-olah melambangkan kejayaan Koperasi.

Majlis yang sederhana tetapi amat bermakna ini merupakan julung-julung kalinya diadakan. Sebelumnya penerimaan hadiah diberi terus melalui ahli. Syabas anak-anakku.





## CARA MUDAH hindari penyakit

### JAGA PEMAKANAN

Menurut pakar kesihatan 80 peratus sumber penyakit ditubuh kita berasal dari perut, oleh itu;

- Jangan jadi makanan sebagai 'pelarian' Ambillah makanan secukupnya dalam kuantiti yang sederhana.
- Jaga kombinasi makanan Kombinasi makanan adalah cara mengatur kemasukan makanan yang disesuaikan dengan mekanisme semulajadi tubuh, khususnya yang berhubung dengan sistem pencernaan. Tubuh dikatakan sihat apabila metabolismanya seimbang.
  - Kurangkan pengambilan garam
  - Kurangkan pengambilan lemak
  - Kurangkan pengambilan gula
- Pengambilan serat Serat adalah elemen penting dalam diet, terutama yang larut membantu mengatur metabolisme di dalam pencernaan dan menstabilkan tahap glukosa dalam darah. Manakala serat tidak larut akan mencegah kegemukan kerana membantu anda merasa kenyang lebih lama.

### SENAMAN

Selain makanan, senaman juga adalah faktor penting yang harus diutamakan dalam menjaga sistem ketahanan tubuh.

- Olahraga. Lakukanlah senaman sekurang-kurangnya 20 minit sehari. Sekurang-kurangnya jadikanlah amalan

menaiki tangga sebagai ganti kepada lif. Sekiranya anda mampu boleh dapatkan alat senaman di pasaran

- Bersukan bagi yang dapat meluangkan masa. Pilihlah sukan yang bersesuaian dengan tahap kesihatan anda.

### FAKTOR PSIKOLOGI

Selain makanan dan senaman, faktor psikologi juga menyumbang pada sistem pertahanan tubuh.

- **Berfikiran Positif** Mereka yang selalu berfikir optimis lebih sihat berbanding dengan mereka yang berfikir pesimis.
- **Ketawa** Rasa sedih dan marah mampu menurunkan daya tahan tubuh terhadap penyakit sebaliknya sekiranya sering ketawa tubuh akan lebih sihat
- **Mendekati Alam** Bunyi deruan ombak, air terjun, kicauan burung juga desiran angin mampu menggetarkan kalbu dan menyentuh perasaan dan ia mampu memberi kesan yang menyenangkan sama seperti kesan makanan dan seks.
- **Berehat** Jangan memaksa tubuh untuk bekerja terlalu keras. Luangkan waktu untuk berehat dan meredakan stres kerana ia penting untuk kesihatan. Stres selain akan menyebabkan rasa cemas, ia juga akan merangsang penghasilan hormon kortisol dan adrenalin yang menurunkan kemampuan tubuh untuk menolak penyakit.

## PKINK LANCAR KEMPEN SIHAT CERDAS

Kesihatan adalah kunci kepada kerja yang produktif, badan sihat membentuk minda yang cerdas. Maka dengan ingatan itulah PKINK pada 28 Jamadilawal 1427 (25 Jun 2006) telah mengadakan majlis pelancaran kempen sihat cerdas Kumpulan PKINK.

Antara program yang diadakan pada hari tersebut adalah : -

1. Menaiki tangga beramai-ramai dari ruang lobi hingga tingkat 6 (jam 8.00 pagi)
2. Pemeriksaan kesihatan oleh doktor dan jururawat dari Persatuan Bulan Sabit Merah (jam 9.15 pagi)

Dalam ucapan ringkasnya, Ketua Eksekutif menekankan kepentingan menjaga kesihatan dan mengingatkan semua anggota betapa pentingnya menjaga pemakanan dan senaman, kerana mencegah adalah lebih baik dari berubat.

Sepanjang bulan Julai program menaiki tangga pada setiap hari Ahad akan diteruskan. Ketua Eksekutif berharap program menaiki tangga ke pejabat dijadikan amalan harian, kerana menaiki tangga adalah baik untuk kesihatan, terutamanya jantung.


## Jubli Emas Koperasi PKINK Bhd

27 Jamadilawal 1427 bersamaan 24 Jun 2006 telah menyaksikan Mesyuarat Agung Koperasi PKINK Bhd yang ke 25, maka genaplah usia Koperasi PKINK Bhd 25 tahun. Tahun bersilih ganti telah membawa Koperasi mengharungi pelbagai senario ekonomi sejak dari awal penubuhannya sehingga kini dan melalui pengalaman pahit getir dan kecemerlangan membawa kepada tahap yang membanggakan sekarang.

Sebagaimana lazim Mesyuarat Agung Koperasi amat ditunggu-tunggu oleh ahli-ahlinya, yang majoritinya menunggu pengisytiharan dan pembahagian dividen saham dan pelaburan. Di samping tertanya-tanya apakah 'door gift' Koperasi sempena Jubli Emas ini. Ahli-ahli telah sampai seawal 8.00 pagi bagi mendaftar serta mendapat kupon kudapan, kehadiran serta 'door gift' masing-masing. Mesyuarat telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh selaku Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK merangkap Penasihat Koperasi PKINK Bhd. Ahli turut diraikan oleh persembahan multimedia "Rancangan Malaysia Ke9 dan Penglibatan Koperasi" oleh wakil Kementerian Pembangunan Usahawan (MECD).

Pengerusi melalui ucapan beliau telah menyeru ahli-ahli agar bekerjasama sesama sendiri demi menjaga kebajikan anggota, memberi sokongan dalam semua situasi demi menyambung kesinambungan serta menghayati moto Koperasi " Susah Senang Bersama Koperasi".

Anggota Lembaga Koperasi yang baru selepas pemilihan ialah Haji Mohamed Alwi Ya, Haji Mohd Razali Deraman, Haji Zainal Ab. Rahim, Haji Nik Azman Dato' Nik Mustapha, Haji Mohamed Ismail dan Hajjah Azizah Daud. Mesyuarat berjalan lancar dengan dihadiri oleh seramai 1,078 orang ahli.



Aktiviti-aktiviti sempena program sihat cerdas Kumpulan PKINK



## ROSELLE MINUMAN TERBAIK

**AYER KEROH, Melaka 6 April-** Pelancaran satu produk baru minuman berkhasiat, Cristal Roselle keluaran Murni Marketing Sdn Bhd telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak pada 6 hingga 8 April 2006 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC) yang bertemakan "Satu Desa Satu Industri".


Murni Marketing Sdn Bhd telah membuka gerai untuk kunjungan orang ramai dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Ia juga turut mendapat kunjungan daripada "Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka". Banyak pihak yang berminat tampil untuk menjadi pengedar produk Roselle terutama minuman terus dalam "PP CUP". Kordial Cristal Roselle juga telah mendapat tempat kedua secara keseluruhan bagi minuman terbaik di ekspo tersebut dengan mendapat sijil penghargaan dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.



Tuan Yang Dipertua Negeri Melaka sedang mencuba minuman produk roselle

Dalam perkembangan yang lain, Murni Marketing Sdn Bhd telah menjadi penaja utama minuman Roselle dalam bentuk bungkusan baru iaitu "PP CUP", kepada kontinjen Kelantan yang menyertai Sukan Sukma di Kedah pada 24 Mei hingga 4 Jun 2006 yang lalu. Pengurus Besar KPKB, Haji Mohammad Naim menyera hkan minuman tersebut kepada Pengarah Majlis Sukan Negeri Kelantan, Haji Mohd Nordin Awang. Majlis dihadiri 60 orang tetamu termasuk pengurus dan jurulatih Sukma Kelantan.

Sementara itu, KPKB/MMSB bersama Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, FAMA dan MARDI turut mengadakan seminar penanaman Roselle pada 24 Mei 2006 lalu bertempat di bilik gerakan stesen penyelidikan MARDI Telong, Bachok, Kelantan. Seramai 32 orang terdiri daripada penanam-penanam Roselle dari kawasan Bachok dan Pasir Puteh telah menghadiri seminar



Pengurus Besar KPKB Hj. Mohd Naim menyampaikan sumbangan kepada Pengarah MSN Negeri Kelantan, Haji Mohd Nordin Ismail

tersebut. Seminar ini diadakan bagi memberi kefahaman dan maklumat berkaitan teknik penanaman Roselle secara berkesan. Minat yang mendalam telah ditunjukkan oleh peserta-peserta dan ini sekaligus dapat membekalkan bahan mentah untuk diproses di kilang Wakaf Zain (MSSB). Disamping itu, Jabatan Pertanian, MARDI, FAMA dan Majlis Industri Roselle Malaysia dari Putrajaya turut memberi kerjasama dan bantuan dalam menjayakan seminar tersebut.



Seminar penanaman roselle pada 24 Mei 2006

## BOLASEPAK PERSAHABATAN - PASUKAN PENGURUSAN MENEWASKAN PASUKAN SOKONGAN

Pasukan Pengurusan menewaskan Pasukan Sokongan dalam perlawanan bolasepak persahabatan di Stadium Sultan Mohamad IV pada Khamis, 6 April 2006. Pasukan Sokongan kalah 8-9 dalam satu siri sepakan penalti, setelah terikat dengan keputusan seri 1-1.

Permainan bermula jam 6.00 petang dengan kedua-dua belah pihak saling serang menyerang. Namun tiada gol dihasilkan sehingga tamat separuh masa pertama. Pada separuh masa kedua, Pasukan Sokongan mendahului dengan satu gol. Walau bagaimanapun Pasukan Pengurusan dapat

menyamakan kedudukan setelah menyempurnakan satu sepakan penalti yang diberi pengadil atas satu kesalahan penjaga gol. Kedudukan itu kekal hingga wisel penamat.

Perlawanan tradisi yang sudah lama tidak diadakan itu diserikan dengan cabutan bertuah kepada warga PKINK yang hadir. Ini diikuti dengan jamuan ringan sebagai acara penutup.





sambungan dari m. surat 1

## MB rasmi Sungai Terah Palm Oil dan lancar ModiPalm Engineering Sdn Bhd

Pembinaan kilang kelapa sawit ini memberi banyak manfaat kepada Syarikat Ladang Sungai Terah khususnya dan ladang-ladang lain yang berhampiran amnya, terutama dari segi penjimatan kos pengangkutan dan memendekkan tempoh masa penghantaran BTS.

Menurut SLST, kos pengangkutan dapat dijimatkan [REDACTED] hampir RM0.5 juta setahun. Kilang Sawit ini juga telah menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Setakat ini, rakyat tempatan yang bekerja di kilang tersebut ialah seramai 35 orang.



## LAWATAN USAHAWAN KELANTAN KE CANTON FAIR, CHINA

Buat julung kalinya Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia yang dipengerusikan oleh YB Hj Zulkifli Mamat telah berjaya membawa usahawan-usahawan bumiputera Kelantan ke negara Republik Rakyat China pada 25 hingga 30 April yang lalu dalam satu program Usahawan Kelantan ke Canton Fair ke-99 di Guangzhou, China. Canton Fair atau Pameran Komoditi Eksport China (Chinese Export Commodities Fair) merupakan pameran dagang terbesar di China yang diadakan sebanyak empat kali setahun dalam bulan April dan Oktober.

Republik Rakyat China merupakan rakan dagang keempat terbesar Malaysia pada tahun 2002. Bagi negara China pula, Malaysia adalah rakan dagang yang

ketujuh terbesar. Di kalangan negara Asean pula, Malaysia menjadi rakan dagang terbesar bagi China, mengatasi Singapura, dengan jumlah dagangan sebanyak 26.1 peratus. Statistik ini menggambarkan bahawa peluang hubungan dagang antara Malaysia dan China terbuka luas dan kesempatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan amat bertepatan pada waktunya bagi memberi peluang kepada pengusaha dan juga usahawan di negeri Kelantan mengenali China dengan lebih dekat dengan peluang-peluang hubungan dagang yang terbuka untuk direbut.

Program Usahawan Kelantan yang dianjurkan bersama oleh Pupuk Nilai Berhad dan Kelab Usahawan PKINK disokong oleh Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia Kerajaan Negeri Kelantan.



Seramai 32 orang usahawan Kelantan telah mengikuti rombongan tersebut dengan disertai oleh dua orang pegawai pengiring daripada PKINK yang dihantar oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Kelantan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai rumah kelantan di Guangzhou yang dikenali sebagai rumah Pupuk Nilai Murni yang terletak di Kondominium Century Plaza di Jalan Long Jin, pusat bandar Guangzhou. Wujudnya rumah Kelantan di Guangzhou ialah hasil dari sokongan Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia. Rombongan telah berkesempatan melawat rumah Kelantan pada hari pertama lawatan.

Hari Kedua dan ketiga berada di Guangzhou, rombongan terus ke destinasi yang ditetapkan iaitu ke Pameran Komoditi Eksport China di Kompleks Liu Hua dan Kompleks Pazhou. Kompleks Liu Ha terletak di jalan Liu Hua, pusat bandar Guangzhou sementara Kompleks Pazhou terletak agak jauh dari pusat bandar. Pameran Perdagangan ini dibuka dari jam 9 pagi hingga 6 petang sahaja dan setiap pelawat mestilah mendaftarkan diri dengan bayaran sebanyak 100 RMB/ Renminbi atau Yuan untuk mendapatkan pas masuk sebagai Buyer atau Pembeli.

Canton Fair menjadi medan pertemuan terbesar di antara pengusaha dan pengeluar negara China dengan para pembeli dan pemborong dari pelbagai negara seluruh dunia

bersambung m. surat 5